

Bekas PM gembira rayuan diterima mahkamah

Putrajaya: Peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah berkata, Datuk Seri Najib Razak gembira selepas Mahkamah Rayuan membenarkan permohonannya untuk memulakan semakan kehakiman isu Titah Adendum berhubung penahanannya di rumah semalam.

Muhammad Shafee berkata, Najib memberikan isyarat bagus *'two-thumbs up'* kepada beliau selepas Mahkamah Rayuan membuat keputusan itu.

Beliau memberitahu media mengenai reaksi Najib itu ketika

sidang media di lobi Istana Kehakiman selepas prosiding semalam.

"Beliau gembira, sangat lega kerana akhirnya mereka (mahkamah) mengiktiraf beberapa unsur ketidakadilan yang telah diletakkan terhadapnya. Jadi beliau berharap untuk melihat dan mula bernafas semula.

"Beliau tidak dapat tidur di penjara kerana bimbang sama ada beliau akan mendapat percaraan yang adil dan pendengaran yang adil sekali lagi," katanya.

Ditanya bila Najib akan dibenarkan menjalani hukuman penjara di rumah, Muhammad Shafee berkata, perkara itu bergantung kepada hakim.

"Hakim Mahkamah Tinggi akan memutuskan dan jika memihak kepada kita, mungkin dalam masa sebulan.

"Hari ini (semalam) kita telah mendapat keputusan yang baik. Malah, saya cukup gembira kerana ia adalah keputusan 2 kepada 1 kerana ia menunjukkan terdapat sedikit kebebasan dalam badan kehakiman.

"Terdapat orang yang boleh menggunakan minda bebas mereka. Tidak ada keperluan untuk sebulat suara dan keputusan 2:1 diluluskan untuk itu," katanya.

Muhammad Shafee berkata, pihaknya mempunyai cukup kes untuk meneruskan ke peringkat substantif semakan kehakiman di hadapan Mahkamah Tinggi di hadapan hakim berlainan di bahagian yang sama.

"Jadi pada 13 hari bulan nanti, mahkamah telah menetapkan perkara itu untuk diuruskan oleh hakim baharu dan kami

akan berusaha meminta hakim mendengarnya secepat mungkin.

"Apa yang penting anda mesti ingat penghakiman majoriti mengatakan bahawa mereka tidak boleh mengabaikan kewujudan perintah tambahan atas pelbagai sebab.


"Satu adalah kerana kami telah mengemukakan bukti tambahan dan keterangan tambahan ini, daripada yang pertama hingga kedua, Peguam Negara tidak pun meletakkan sebarang affidavit untuk mempertikaikannya. Mereka tidak menjawab pun.

"Afidavit terbaharu yang mereka failkan adalah semalam (kelmarin) iaitu di luar masa yang diperuntukkan kepada mereka kerana mereka sepatutnya memfailkan balasan pada atau sebelum 18 Disember lepas," katanya.

Bukan sahaja pihak Jabatan Peguam Negara (AGC) tidak menjawab affidavit, Muhammad Shafee berkata, dalam affidavit yang difailkan hanyalah kenyataan media dari pihak Istana.

"Tetapi kenyataan media istana tidak mengatakan apa-apa kecuali mengulangi apa yang telah disediakan oleh Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan. Jadi ia tidak membawa kita ke mana-mana," katanya.

Muhammad Shafee berkata pihaknya melihat terdapat sedikit harapan dan berharap bahawa keputusan positif ini akan berterusan mulai 13 Januari di Mahkamah Tinggi.



Muhammad Shafee menunjukkan surat perakuan kewujudan Titah Adendum daripada Majlis Kesultanan Pahang di Mahkamah Rayuan Putrajaya, semalam.

(Foto Aizzuddin saad/BH)